

KEPRIHATINAN GURU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN PRINSIP PERAKAUNAN

RAHIMAH BINTI ABD HALIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

**KEPRIHATINAN GURU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN PRINSIP
PERAKAUNAN**

RAHIMAH BINTI ABD HALIM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PERAKAUNAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنوسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada _____ (hari bulan) _____ (bulan) 2015.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **RAHIMAH BINTI ABD HALIM, M20121000308, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KEPRIHATINAN GURU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN PRINSIP PERAKAUNAN** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. IBRAHIM BIN TAMBY CHEK** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEPRIHATINAN GURU TERHADAP AMALAN PENTAKSIRAN PRINSIP PERAKAUNAN** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa kesyukuran ke atas Ilahi dan rendah diri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang membantu saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya terutamanya kepada penyelia saya, Dr. Ibrahim bin Tamby Chek. Beliau banyak memberi bimbingan dan nasihat di sepanjang proses saya menyiapkan disertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Profesor Madya Dr. Rohaila bt Yusof dan Profesor Madya Dr. Norlia bt Mat Norwani yang memberi cadangan dan komen dalam menambahbaik kajian yang saya jalankan. Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana meluluskan cuti belajar dengan biasiswa kepada saya bagi melanjutkan pelajaran dalam program Sarjana Pendidikan (Perakaunan) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seterusnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Pengajian Siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, sekolah-sekolah dan semua guru-guru yang terlibat atas kerjasama yang diberikan. Terima kasih tidak terhingga juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang banyak memberi sokongan kepada saya dalam mengharungi perjalanan untuk menyiapkan disertasi ini. Semoga disertasi ini menjadi satu titik mula untuk saya terus memajukan diri dalam bidang yang saya ceburi.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keprihatinan guru terhadap amalan pentaksiran Prinsip Perakaunan di negeri Pahang dan perkaitan yang wujud antara ciri-ciri peribadi guru dengan keprihatinan mereka terhadap pentaksiran. Kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan dijalankan ke atas 135 sampel yang dipilih melalui teknik persampelan rawak. Soal selidik diadaptasi daripada *Stages of Concern Questionnaire* (SoCQ) dan *Teachers Assessment Practice Inventory* (TAPI). Dapatan kajian menunjukkan guru Prinsip Perakaunan berada pada tiga peringkat keprihatinan tertinggi iaitu kesan, kesedaran dan penumpuan semula. Berdasarkan tiga peringkat keprihatinan (kendiri, tugas dan kesan) pula, pengkaji mendapati guru lebih tertumpu kepada peringkat keprihatinan kendiri. Kaedah pentaksiran, penggunaan hasil pentaksiran, penggunaan dan pembinaan skema jawapan merupakan amalan pentaksiran yang kerap diamalkan oleh guru. Ujian-*t* dan ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam peringkat keprihatinan guru berdasarkan pengalaman mengajar, kategori pentaksir, kekerapan menghadiri latihan, lokasi dan kemahiran TMK. Bagi amalan pentaksiran, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi empat amalan pentaksiran berdasarkan pengalaman mengajar. Ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara peringkat keprihatinan guru dengan amalan pentaksiran guru. Dapatan kajian ini memberi maklumat penting kepada pihak seperti perancang, penggubal perubahan dan fasilitator untuk membantu guru menerima perubahan yang telah diperkenalkan. Berdasarkan maklumat ini, intervensi seperti pementoran dan latihan yang bersesuaian dengan sasaran guru dapat dirancang dan seterusnya merealisasikan matlamat pentaksiran baharu yang dihasratkan oleh sistem pendidikan negara.

TEACHERS' CONCERNS TOWARDS PRINCIPLE OF ACCOUNTING ASSESSMENT PRACTICES

ABSTRACT

This study aims to identify the teachers' concerns over the assessment practices in Principle of Accounting subject in the state of Pahang and the relationship between the characteristics of teachers' personality and their concern towards the assessment. Quantitative method in the form of survey had been carried out on 135 samples that were selected through random sampling technique. The questionnaire was adapted from Stages of Concern Questionnaire (SoCQ) and Teachers Assessment Practices Inventory (TAPI). The findings showed that the Principle of Accounting teachers were dominantly at the three stages of concerns namely impact, awareness and refocusing. Based on the three stages of concern (self, task and impact), the researcher found that the teachers were more focused on self-concern. Assessment method, uses of assessment findings, uses and construction of answers scheme were assessment practices that frequently applied by teachers. The *t*-test and ANOVA showed that there were significant differences in teachers' concerns based on teaching experience, assessors' category, training attendance frequencies, location and ICT skills. For assessment practices, the study found that there were no significant differences for the four assessment practices based on teaching experience. Pearson Correlation test showed that there was a positive relationship between teachers' concerns and teachers' assessment practices. The findings of this study provide important information to the planners and the policy makers of change and facilitators to help teachers receive the changes introduced. Based on this information, interventions such as mentoring and appropriate training to the target teacher can be designing and eventually realizing the new assessment objectives as inspired by national education system.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Kajian	12
1.7.1 Kerangka Teoretikal	13
1.7.2 Kerangka Konseptual	14
1.8 Kepentingan Kajian	17
1.9 Batasan Kajian	18
1.10 Definisi Operasional	20

1.10.1 Keprihatinan Guru	20
1.10.2 Amalan Pentaksiran	21
1.11 Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
2.2 Perubahan Dalam Sistem Pendidikan Negara	25
2.3 Perubahan Pentaksiran Prinsip Perakaunan	26
2.3.1 Format Pentaksiran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Mulai SPM 2011	27
2.3.2 Pentaksiran Prinsip Perakaunan – Kertas 3	29
2.4 Teori Konstruktivisme	34
2.5 Amalan Pentaksiran Guru	39
2.6 Teori Perubahan	45
2.7 Keprihatinan Guru Menghadapi Perubahan	56
2.8 Peringkat Keprihatinan Guru	58
2.9 Peranan Faktor Demografi Terhadap Peringkat Keprihatinan	62
2.9.1 Pengalaman Guru	63
2.9.2 Latihan Guru	65
2.9.3 Lokasi	67
2.9.4 Jantina	68
2.9.5 Kelayakan Akademik	69
2.9.6 Kemahiran TMK	70
2.10 Rumusan	70

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	74
3.4	Instrumen Kajian	77
3.4.1	Pembinaan Instrumen	77
	Bahagian A : Demografi	78
	Bahagian B : Peringkat Keprihatinan Guru	81
	Bahagian C : Amalan Pentaksiran Guru	87
3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	91
3.6	Kajian Rintis	94
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	97
3.8	Tatacara Penganalisisan Data	98
3.9	Rumusan	104

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	105
4.2	Dapatan Kajian	106
4.2.1	Persoalan Kajian 1	106
4.2.1.1	PK0 – Kesedaran	106
4.2.1.2	PK3 – Pengurusan	108
4.2.1.3	PK4 – Kesan	109
4.2.1.4	PK5 – Kolaborasi	111
4.2.1.5	PK6 – Penumpuan Semula	113
4.2.1.6	Dapatan Kajian Persoalan Kajian 1	115

4.2.2	Persoalan Kajian 2	116
4.2.2.1	Kaedah Pentaksiran	117
4.2.2.2	Penggunaan Hasil Pentaksiran	119
4.2.2.3	Skema Jawapan	123
4.2.2.4	Maklum Balas Hasil Pentaksiran	125
4.2.3	Persoalan Kajian 3	127
4.2.3.1	Hipotesis – H_01	127
4.2.3.2	Hipotesis – H_02	129
4.2.3.3	Hipotesis – H_03	133
4.2.3.4	Hipotesis – H_04	135
4.2.3.5	Hipotesis – H_05	139
4.2.3.6	Hipotesis – H_06	144
4.2.3.7	Hipotesis – H_07	146
4.2.4	Persoalan Kajian 4	150
4.2.4.1	Hipotesis – H_08	150
4.2.5	Persoalan Kajian 5	152
4.2.5.1	Hipotesis – H_09	152
4.2.5.2	Hipotesis – H_{010}	155
4.2.5.3	Hipotesis – H_{011}	157
4.2.5.4	Hipotesis – H_{012}	159
	Rumusan	161

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	162
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	163

5.6	Rumusan	197
RUJUKAN		198
LAMPIRAN 1: Format Pentaksiran Perakaunan 3756 (Mulai SPM 2011)		209
LAMPIRAN 2: Rubrik Penskoran Tugas Projek		210
LAMPIRAN 3: Data Sampel Negeri Pahang		211
LAMPIRAN 4: Jadual Nombor Rawak		215
LAMPIRAN 5: Soal Selidik Kajian		217
LAMPIRAN 6: Kesahan Soal Selidik		224
LAMPIRAN 7: Ujian Normaliti		230
LAMPIRAN 8: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian		232

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kelayakan Calon SPM Bagi Sijil LCCI	28
2.2	Konstruk Pentaksiran	32
2.3	Tujuh Peringkat Keprihatinan	55
2.4	Peringkat Keprihatinan	57
3.1	Sampel Kajian Mengikut Taburan Sekolah Dan Responden Kajian	76
3.2	Instrumen Kajian	78
3.3	Penggunaan Skala Likert – Tahap Kemahiran TMK	79
3.4	Bahagian A – Demografi Responden Yang Digunakan Dalam Kajian	80
3.5	Penyataan Soal Selidik Keprihatinan Mengikut Nombor Item	83
3.6	Penggunaan Skala Likert Dalam Soal Selidik Bahagian B	86
3.7	Aspek Dalam Amalan Pentaksiran Guru	87
3.8	Penyataan Soal Selidik Amalan Pentaksiran Mengikut Nombor Item	89
3.9	Penggunaan Skala Likert Dalam Soal Selidik Bahagian C	91
3.10	Kesahan Instrumen Soal Selidik Melalui Sekumpulan Pakar Rujuk	92
3.11	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Peringkat Keprihatinan	96
3.12	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Amalan Pentaksiran	97

3.13	Interprestasi Min Peringkat Keprihatinan Dan Amalan Pentaksiran Guru	99
3.14	Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi Peringkat Keprihatinan Dengan Amalan Pentaksiran	101
3.15	Penganalisan Data Peringkat Keprihatinan Dan Amalan Pentaksiran Guru	101
4.1	Kekerapan dan Peratusan Responden Pada PK0 – Kesedaran (N = 135)	107
4.2	Kekerapan dan Peratusan Responden Pada PK3 – Pengurusan (N = 135)	109
4.3	Kekerapan dan Peratusan Responden Pada PK4 – Kesan (N = 135)	110
4.4	Kekerapan dan Peratusan Responden Pada PK5 – Kolaborasi (N = 135)	112
4.5	Kekerapan dan Peratusan Responden Pada PK6 – Penumpuan Semula (N = 135)	114
4.6	Skor Min Lima Peringkat Keprihatinan Guru	115
4.7	Skor Min Tiga Peringkat Keprihatinan Guru	116
4.8	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengenai Kaedah Pentaksiran (N = 135)	118
4.9	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Hasil Pentaksiran Formatif (N = 135)	120
4.10	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengenai Penggunaan Hasil Pentaksiran Sumatif (N = 135)	122
4.11	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengenai Aktiviti Penggunaan dan Pembinaan Skema Jawapan (N = 135)	124
4.12	Kekerapan dan Peratusan Responden Mengenai Maklum Balas Hasil Pentaksiran (N = 135)	126
4.13	Ujian-t Perbandingan Peringkat Keprihatinan Berdasarkan Jantina Guru	128
4.14	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan PK Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	130

4.15	Ringkasan Skor Min Perbandingan PK Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	132
4.16	Ringkasan Ujian Tukey Perbandingan PK Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	133
4.17	Ujian- <i>t</i> Perbandingan PK Berdasarkan Ijazah/Opsyen Ikhtisas Guru	134
4.18	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan PK Berdasarkan Kategori Pentaksir	136
4.19	Ringkasan Skor Min Perbandingan PK Berdasarkan Kategori Pentaksir	138
4.20	Ringkasan Ujian Tukey Perbandingan PK Berdasarkan Kategori Pentaksir	139
4.21	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan PK Berdasarkan Kekerapan Menghadiri Latihan	140
4.22	Ringkasan Skor Min Perbandingan PK Berdasarkan Kekerapan Menghadiri Latihan	142
4.23	Ringkasan Ujian Tukey Perbandingan PK Berdasarkan Kekerapan Menghadiri Latihan	143
4.24	Ujian- <i>t</i> Perbandingan PK Berdasarkan Lokasi Guru	144
4.25	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan PK Berdasarkan Tahap Kemahiran Guru Menggunakan Perisian Lembaran Elektronik	147
4.26	Ringkasan Skor Min Perbandingan PK Berdasarkan Tahap Kemahiran Guru Menggunakan Perisian Lembaran Elektronik	149
4.27	Ringkasan Ujian Tukey Perbandingan PK Berdasarkan Tahap Kemahiran Guru Menggunakan Perisian Lembaran Elektronik	150
4.28	Ringkasan Ujian ANOVA Satu Hala Perbandingan Amalan Pentaksiran Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	151
4.29	Ujian Korelasi PK Berdasarkan Kaedah Pentaksiran Guru	153
4.30	Ujian Korelasi PK Berdasarkan Penggunaan Hasil Pentaksiran Guru	155

4.31	Ujian Korelasi PK Berdasarkan Skema Jawapan Guru	157
4.32	Ujian Korelasi PK Berdasarkan Maklum Balas Hasil Pentaksiran Guru	159



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual kajian	14
2.1	Model Sistem Pentaksiran Pendidikan Malaysia	30
2.2	Carta Alir Pentaksiran Terkawal	31
2.3	Teori Perubahan	52
2.4	Kerangka CBAM	53

SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LP	Lembaga Peperiksaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
LCCI	<i>London Chamber of Commerce and Industry</i>
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
CBAM	<i>Concerns Based Adoption Model</i>
SoC	<i>Stage of Concerns</i>
LoU	<i>Level of Use</i>
IC	<i>Innovation Configuration</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PK	Peringkat Keprihatinan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
ACCA	<i>The Association of Certified Chartered Accountant</i>
MICPA	<i>Malaysian Institute Chartered Public Accountants</i>

MOU	Memorandum Persefahaman
PP	Pentaksiran Pusat
OP	Objektif Pentaksiran
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
EPRD	Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan
TAPI	<i>Teachers Assessment Practices Inventory</i>
SoCQ	<i>Stages of Concerns Questionnaire</i>
VET	<i>Vocational Education and Training</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia sedang mengorak langkah ke arah menyediakan pendidikan berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Selari dengan itu, pada tahun 2012, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 telah dilancarkan. Salah satu aspirasi yang terdapat dalam PPPM 2013 – 2025 adalah berkaitan dengan kualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Intipati pelan tersebut menyatakan bahawa sistem pendidikan Malaysia berhasrat untuk menyediakan kualiti standard antarabangsa yang tinggi. Demi mencapai aspirasi tersebut, KPM telah melakukan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara dan salah satunya adalah dengan menitikberatkan sistem pentaksiran yang lebih holistik dan menyeluruh.

Lembaga Peperiksaan (LP) adalah sebuah badan yang bertanggungjawab menggubal spesifikasi semua bentuk pengujian dan pengukuran pendidikan, kaedah pentadbiran, bentuk pelaporan dan pengawalan mutu alat-alat pengukuran, telah memulakan beberapa langkah penambahbaikan dalam sistem pentaksiran negara. Selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), LP telah melaksanakan format Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang lebih holistik, menyeluruh dan selari dengan kurikulum yang berbentuk rujukan standard. Penambahbaikan PBS mula dilaksanakan mulai Tahun 1 pada 2011 dan Tingkatan 1 pada tahun 2012 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Kini pentaksiran menjadi satu agenda utama dalam sistem pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) dan ianya menjadi antara tugas yang kompleks dan penting kepada guru (Moss, 2013). Bagi merealisasikan aspirasi negara, guru perlu didedahkan dengan ilmu pentaksiran dan diberikan latihan dengan sewajarnya. Sekiranya pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki guru berada pada tahap yang sama, guru akan menghadapi masalah (Abd. Rahim, 2000). Pengetahuan dan kemahiran penting kerana penilaian daripada guru terhadap pentaksiran memberi kesan secara langsung dalam pencapaian murid-murid (Rodriguez, 2004). Oleh itu, kepekaan guru mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dari semasa ke semasa mengikut perubahan yang berlaku seharusnya sentiasa ada dalam diri seorang pendidik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan tidak terkecuali daripada mengalami perubahan dalam pentaksiran. Pentaksiran baru telah diperkenalkan dan mula dilaksanakan mulai peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 (Lembaga Peperiksaan, 2011). Menurut LP (2011), perubahan pentaksiran ini adalah selari dengan semakan semula sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan. Program Penyemakan semula sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah dilakukan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM dan telah diluluskan oleh Jawatan Kuasa Kurikulum Pusat. Calon SPM yang memperoleh keputusan yang baik dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh *London Chamber of Commerce and Industry* (LCCI) layak memohon untuk mendapatkan Sijil LCCI Tahap 2 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008).

Pentaksiran baru Prinsip Perakaunan bertujuan untuk melahirkan modal insan profesional perakaunan peringkat sekolah bertaraf antarabangsa, berilmu dan dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk diri sendiri, masyarakat, agama dan negara serta menyumbang kepada pembangunan negara maju 2020 (Lembaga Peperiksaan, 2011). Perubahan pentaksiran ini selaras dengan matlamat Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) iaitu untuk mengurangkan penekanan kepada peperiksaan awam, melaksanakan pentaksiran yang berterusan, memperbaiki pembelajaran murid, mewujudkan pentaksiran yang lebih holistik dan membina modal insan dengan lebih berkesan.

Mulai SPM 2011, calon yang mengambil Prinsip Perakaunan sebagai mata pelajaran elektif, dikehendaki melaksanakan tugas projek sebagai satu daripada keperluan pensijilan. Walaupun tugas projek yang baru diperkenalkan mulai SPM 2011 hanya mewakili 20 peratus (Lembaga Peperiksaan, 2011) daripada keseluruhan pencapaian murid, ianya tetap merupakan perubahan yang memerlukan penglibatan guru secara aktif. Perubahan pentaksiran Prinsip Perakaunan dilihat sebagai satu perubahan yang memberi implikasi ke atas sistem pembelajaran dan pengajaran (PdP) guru.

Guru tidak boleh lagi seratus peratus menumpukan PdP yang berasaskan peperiksaan semata-mata. Penekanan kepada peperiksaan terutamanya peperiksaan awam menyebabkan guru lebih cenderung untuk melaksanakan proses pengajaran yang berpusatkan guru kerana kaedah ini terbukti lebih berkesan untuk menghasilkan murid mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan (Toh, 2003). Menurut Hamidah (2004), pengajaran seharusnya memfokuskan ke arah pembinaan pengetahuan dan kemahiran berfikir pada aras tinggi.

Untuk menilai tugas projek murid-murid, guru perlu menguasai kemahiran pentaksiran. Walaupun garis panduan telah dibekalkan kepada guru-guru, terdapat situasi di mana guru masih gagal menguasai kemahiran pentaksiran disebabkan faktor-faktor tertentu. Hamzah dan Sinnasamy (2009) mendapati bahawa pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah tidak akur sepenuhnya dengan kehendak garis panduan LP dan berdasarkan analisis daripada soal selidik tentang kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS yang dilaksanakan oleh LP, didapati 25% guru sekolah rendah dan 31% guru sekolah menengah masih tidak memahami perubahan

pentaksiran yang dilaksanakan kerana tidak mendapat latihan atau pendedahan mengenai perubahan pentaksiran (Lembaga Peperiksaan, 2012a).

Kebelakangan ini banyak rungutan, komen, pandangan, kritikan daripada guru-guru dan masyarakat diutarakan di media massa dan elektronik mengenai kesan pelaksanaan sistem pentaksiran baru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Antara isu yang timbul adalah berkaitan dengan pengurusan pelbagai dokumen dan data yang perlu dimasukkan dan kesannya terhadap murid. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS agar dapat mengurangkan bebanan tugas guru dan di samping itu juga KPM turut mengambil langkah-langkah segera bagi menangani isu-isu yang timbul.

Sesuatu dasar baru boleh menyebabkan sesetengah individu berasa terkejut, bangga, risau dan kecewa kerana segala kepercayaan, amalan dan usaha yang dilakukan saban hari selama ini sudah menjadi tidak relevan lagi dan tidak dihargai (Mohd. Majid, 2008). Oleh itu, membantu guru menangani kebimbangan terhadap perubahan adalah penting dalam memastikan perubahan ini berlaku. Salah satu perkara yang boleh membantu guru menerima perubahan yang diperkenalkan adalah dengan mengenal pasti peringkat keprihatinan guru tersebut. Menurut Cheung dan Yip (2004), peringkat keprihatinan guru sangat penting untuk menyokong segala perubahan yang berlaku di sekolah terutamanya perubahan yang melibatkan skala besar kerana keprihatinan mereka akan menentukan kejayaan sesuatu perubahan yang diperkenalkan.